



## YAYASAN KELANTAN DARULNAIM

Tingkat 5 Kompleks YAKIN

Jalan Gajah Mati

15000 Kota Bharu, Kelantan.

**TAWARAN PINJAMAN PELAJARAN (IJAZAH PERTAMA) KEPADA PELAJAR  
YANG MELANJUTKAN PENGAJIAN DI MESIR, INDONESIA & JORDAN BAGI KURSUS  
PENGAJIAN ISLAM, BAHASA ARAB, ULUM ISLAMIAH, QIRAAT,  
PERUBATAN, PERGIGIAN DAN FARMASI SESI 2020 / 2021**

\*\*\*\*\*

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia rakyat Negeri Kelantan Darulnaim yang lahir dan bermastautin di Negeri Kelantan yang berkelayakan bagi mendapat pinjaman pelajaran YAKIN untuk mengikuti kursus pengajian peringkat **IJAZAH PERTAMA** bagi sesi pengajian **2020/2021**. Pengkhususan yang ditaja adalah sebagaimana berikut :-

Bil	Negara	Kursus Yang Ditaja
1.	Mesir	Maahad Qiraat [ <b>BERMULA TAHUN 1 - 4</b> ]
		Pengajian Islam, Ulum Islamiah, Takhassus Qiraat [ <b>BERMULA TAHUN 3</b> ]
		Bahasa Arab [ <b>BERMULA TAHUN 1 PENGAJIAN</b> ]
		Pergigian & Farmasi [ <b>BERMULA TAHUN 1 PENGAJIAN</b> ]
2.	Indonesia	Pengajian Islam, Ulum Islamiah, Takhassus Qiraat [ <b>BERMULA TAHUN 1 - 4</b> ]
		Perubatan, Pergigian & Farmasi [ <b>BERMULA TAHUN 1 PENGAJIAN</b> ]
3.	Jordan	Pengajian Islam, Bahasa Arab, Ulum Islamiah, Takhassus Qiraat . [ <b>BERMULA TAHUN 2 PENGAJIAN</b> ]

### 1. SYARAT-SYARAT UMUM :

Pemohon yang ingin mengikuti pengajian di universiti-universiti luar negara yang tersenarai di atas hendaklah memenuhi syarat kelayakan minimum yang telah ditetapkan oleh **Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)** dengan kursus dan universiti yang mendapat pengiktirafan **Malaysian Qualifications Agency (MQA)**.

### 2. SYARAT-SYARAT BAGI PERMOHONAN

Pertimbangan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat berikut :-

- (i) Telah **LULUS** peperiksaan **IMTIHAN QABUL** dan mendapat tawaran ke **TAHUN 1** ( Bagi pelajar **Kursus Bahasa Arab** ).
- (ii) Telah menerima surat tawaran dan penempatan ke **TAHUN 1** daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi Kursus **Perubatan, Pergigian dan Farmasi**.
- (iii) Pelajar perlu mengemukakan surat **Non Objection Certificate (NOC) @ Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN)** yang dikeluarkan oleh **KPT**.

- (iv) Telah diterima masuk mengikuti pengajian peringkat Ijazah Pertama dan :
- Mendapat surat pengesahan berada **di tahun tiga (3) atau empat (4)** pengajian sesi **2020/2021** bagi Kursus Pengajian Islam **di Mesir** daripada Jabatan Penuntut Malaysia .
  - Mendapat surat pengesahan berada **di tahun dua (2)** pengajian sesi **2020/2021** bagi Kursus Pengajian Islam **di Jordan** daripada Jabatan Penuntut Malaysia.
  - Mendapat surat pengesahan berada **di tahun satu (1)** pengajian sesi **2020/2021** bagi Kursus Pengajian Islam **di Indonesia** daripada Jabatan Penuntut Malaysia .

### **SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

- (i) Keupujian dalam subjek Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

### **3. CARA MEMOHON :**

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian dengan melayari laman web <http://www.espmb.com/yakin/> (PORTAL PERMOHONAN PINJAMAN PELAJARAN YAKIN). Pemohon mestilah mempunyai e-mel peribadi untuk permohonan dalam talian.
- 3.2 Borang Permohonan Online **HENDAKLAH DICETAK** dan **DISERTAKAN** bersama dengan salinan-salinan dokumen disahkan benar sebagaimana berikut :
- i) Surat Beranak / Surat Sumpah dan Kad Pengenalan pemohon.
  - ii) Surat Sumpah / Kad Pengenalan Ibu dan Bapa / Penjaga.
  - iii) Sijil-sijil persekolahan (SPM, STPM, STAM) dan lain-lain berkaitan.
  - iv) Satu keping gambar berukuran pasport.
  - v) Slip gaji terakhir ibu dan bapa (jika ibu bapa bekerja).
  - vi) Surat tawaran kemasukan ke universiti.
  - vii) Keputusan peperiksaan yang terakhir (jika sedang belajar).

dan dihantar ke alamat :

**YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)**  
**Tingkat 5 , Kompleks YAKIN**  
**Jalan Gajah Mati**  
**15000 Kota Bharu, Kelantan.**  
**Tel : 09-7483213 / 7446127**

4. Permohonan Online dibuka mulai **16 OGOS 2020 (AHAD)** dan tarikh tutup permohonan ialah pada @ sebelum **17 SEPTEMBER 2020 (KHAMIS)** manakala **TARIKH AKHIR** penerimaan borang permohonan/dokumen ke pejabat YAKIN ialah pada **30 SEPTEMBER 2020 (RABU)**.
5. Keutamaan akan diberi kepada pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan sederhana dan kurang berkemampuan.
6. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup / tidak lengkap / tidak memenuhi kriteria-kriteria sebagaimana di atas **AKAN DITOLAK / TIDAK AKAN DIPROSES** .
7. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan **DALAM TEMPOH (1) SATU BULAN** selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.